

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMBANTU ANTIDADAH

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Antidadah Gred S19, S22, S26, S28.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Agensi Antidadah Kebangsaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam mengendalikan pelaksanaan program pemulihan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dadah.

4. SPESIFIKASI JAWATAN

a. Pembantu Antidadah Gred S19

Mengendalikan pelaksanaan program pemulihan, program pencegahan, penguatkuasaan undang-undang berkaitan dadah dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

b. Pembantu Antidadah Gred S22

Mengendalikan pelaksanaan program pemulihan, program pencegahan, penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah, penyeliaan ke atas pegawai di Gred S17 dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

c. Pembantu Antidadah Gred S26

Membantu dan mengetuai kerja pengawasan dan perancangan skop dan fungsi pengurusan program berpandukan kepada garis panduan, arahan, kaedah dan Akta Dadah dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

5. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

5.1 Aspek Pemulihan Di Dalam Institusi

Mengendalikan dengan cekap dan berkualiti program-program pemulihan penagih dadah yang meliputi aspek-aspek seperti pengurusan kemasukan penghuni, rawatan penagihan dadah (*detoksifikasi*), program orientasi, asrama, program/ aktiviti harian, penilaian klinikal dan kenaikan fasa, program pra bebas, persediaan pra bebas dan kebajikan penghuni.

5.2 Aspek Pemulihan dan Pencegahan Di Dalam Komuniti

Mengendalikan dengan cekap dan berkualiti program-program pemulihan dan pencegahan dalam komuniti yang meliputi aspek-aspek seperti program pengawasan, program pendidikan dan publisiti dan intervensi.

5.3 Penguatkuasaan Undang-undang

Membantu menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan dadah yang meliputi aspek-aspek seperti membantu memantau pengawasan kes, membantu operasi pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang.

6. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja di institusi Antidadah.
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- a. Orang awam.
- b. Jabatan/ agensi kerajaan.
- c. Syarikat swasta.
- d. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

7. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam institusi dan komuniti.

8. KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN

Kompetensi Jawatan

- a. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran melaksanakan program pemulihan di dalam institusi dan komuniti:
 - i. boleh memahami dan memberi bimbingan kepada klien.
 - ii. berupaya untuk melaksanakan kerja sosial dan kemasyarakatan.
 - iii. mengumpul maklumat penilaian dan pemantauan program.
- b. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengendalikan program pencegahan:
 - i. boleh berkomunikasi dan berinteraksi secara berkesan dengan pelbagai kumpulan sasaran.
 - ii. berkebolehan mewujudkan jaringan perhubungan dengan agensi-agensi lain untuk mengendalikan program pencegahan.
 - iii. mengumpul maklumat penilaian dan pemantauan program.
- c. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk membantu penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah:
 - i. memahami dan menguasai peraturan, kaedah, akta dan undang-undang berkaitan dadah.

Kompetensi Diri

- a. Ciri-ciri diri yang bersesuaian dengan jawatan:
 - i. menghormati klien.
 - ii. prihatin dan sensitif terhadap situasi dan perkembangan yang berlaku.
 - iii. berkebolehan untuk berhubung dan mengendalikan klien dengan mesra.
 - iv. bersedia untuk membantu dan menolong klien.
 - v. berupaya untuk bertindak dengan tenang dan cekap dalam situasi krisis yang berubah-ubah.
 - vi. bersikap telus, adil dan tegas.

9. PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

Pembantu Antidadah Gred S19, S22, S26 adalah dikehendaki melepasi semua Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang ditetapkan bagi tujuan pertimbangan kenaikan pangkat dan anjakan gaji.

10. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

Latihan yang diperlukan berorientasikan kepada keterampilan diri dalam aspek rawatan dan pemulihan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah di antaranya:

- a. Kursus Induksi Umum dan Kursus Induksi Khusus.
- b. Kursus Kerja Sosial dan Kemasyarakatan.
- c. Kursus Asas Kaunseling.
- d. Kursus Komunikasi Interpersonal.
- e. Kursus Pengurusan Krisis.
- f. Kursus Pengurusan Asrama.
- g. Kursus Pengurusan Klien.
- h. Kursus Pengendalian Rekod dan Maklumat.
- i. Kursus Proses dan Prosedur Penguatkuasaan.
- j. Kursus Mengenai Penggunaan Bahan-bahan Psikoaktif.

11. KEMAJUAN KERJAYA

Pegawai yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berpeluang meningkat ke gred-gred atau perkhidmatan yang lebih tinggi seperti berikut:

- a. Kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Antidadah Gred S22, dan S26.
- b. Kenaikan pangkat secara lantikan ke perkhidmatan Penolong Pegawai Antidadah Gred S27.

Sumber : Lampiran C3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2005